

# **WACANA ABDUL SAMAD AL-FALIMBANI DALAM KITAB HIDAYATUS SALIKIN: SUATU PANDANGAN DARI SUDUT LARAS BAHASA**

Norhasliza Ramli<sup>1</sup>

*Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor*

## **ABSTRAK**

*Abdul al-Samad al-Jawi al-Falambani ialah orang Indonesia yang berasal dari Palembang. Beliau begitu tersohor di alam Melayu sebagai ulama tasawuf dan pejuang mujahidin dalam menentang penjajah. Kitab karangan beliau yang terkenal di dunia Melayu ini ialah kitab Hidayatus Salikin dan dijadikan sumber bacaan dan rujukan oleh para pelajar di pondok-pondok, ulim ulama dan orang ramai di masjid dan juga surau. Kitab ini merupakan terjemahan beliau daripada kitab Bidayatul-Hidayah, iaitu sebuah ringkasan terhadap kitab “Ihya ‘Ulumuddin” karangan Hujjatul Islam, Imam Al-Ghazali rahimahullahu taala. Analisis ini dilakukan melalui tinjauan kepustakaan dan rujukan kitab beliau sebagai bahan analisis. Hasil kajian mendapati wacana yang disampaikan dalam kitab tersebut dikenalpasti memberi sumbangan yang besar dan berharga dalam dunia bahasa dan keagamaan di alam Melayu ini khususnya. Beliau begitu berkebolehan menghurai masalah-masalah agama yang rumit dengan menggunakan bahasa Melayu yang tinggi sejak lebih daripada dua ratus tahun yang lalu. Kebolehan dan penguasaannya dalam bahasa Melayu dan bahasa Arab telah membolehkan beliau mengangkat segala permasalahan dengan penuh ketelitian dan bahasa yang mantap.*

**Kata Kunci:** *linguistik, Kitab Hidayatus Salikin, ulama sufi*

## **PENDAHULUAN**

Laras bahasa merupakan perbezaan perlakuan bahasa seseorang. Ure dan Ellis (1977) menganggap laras sebagai sejenis pencorakan bahasa yang kerap kali digunakan dalam sesuatu situasi komunikasi yang tertentu. Halliday (1968) mendefinisikan laras sebagai kepelbagaiannya bahasa yang berlainan berdasarkan fungsi. Oleh yang demikian, laras berubah-ubah mengikut situasi. Pendapat ini selaras dengan pandangan Nik Safiah Karim (1982) yang menyatakan bahawa setiap anggota masyarakat akan menggunakan beberapa laras yang berbeza mengikut keperluannya. Semakin banyak laras yang digunakan oleh seseorang maka semakin berkesan seseorang itu akan berkomunikasi.

Laras bahasa yang wujud dalam tiap-tiap masyarakat bahasa menggambarkan pengalaman bahasa masyarakat tersebut memandangkan kemunculan laras-laras bahasa selari dengan kewujudan situasi-situasi penggunaan bahasa. Asmah (1987) menjelaskan bahawa laras bahasa ialah ciri-ciri khusus dalam penggunaan bahasa menurut bidang penggunaannya. Dengan itu, laras sesuatu wacana lebih memperlihatkan penggunaan pilihan kata atau

---

<sup>1</sup> Unit Bahasa Melayu, Jabatan Kenegaraan dan Pengajian Ketamadunan, Pusat Pengajian Teras, KUIS. [norhasliza@kuis.edu.my](mailto:norhasliza@kuis.edu.my)

istilah yang tertentu dan penggunaan struktur ayat ataupun ungkapan yang berlainan, khususnya untuk sesuatu disiplin ilmu yang tertentu termasuk perbeaan daerah dan sosial.

Ringkasnya, laras bahasa adalah suatu kepelbagaiannya bahasa yang mempunyai ciri-ciri khusus dalam penggunaannya mengikut bidang. Laras bahasa mencakupi pemilihan kata, frasa dan ayat sama ada yang dituturkan atau ditulis bergantung kepada siapa kita berhubung. Seseorang perlu mempelajari laras bahasa supaya dapat menggunakan gaya dan cara berbahasa yang sesuai dalam perlbagai situasi dan konteks.

### **SIAPA ABDUL SAMAD AL-FALIMBANI?**

Ada sesetengah sejarawan mengatakan bahawa nama beliau ialah Syeikh Abdul Samad bin Faqih Husain bin Faqih Abdullah Al Falimbani. Beliau berketurunan Arab dari susur galur ayahandanya. Menurut pendapat pakar kita-kitab Jawi Nusantara Almarhum Ustaz Wan Muhammad Shagir dalam bukunya yang bertajuk “Perkembangan Ilmu Tasawuf Dan Tokoh-Tokohnya Di Nusantara” mencatatkan bahawa nama ayahanda beliau ialah Syeikh Abdul Jalil. Syeikh Abd Jalil bin Syekh Abd al-Wahab bin Syekh Ahmad al-Madani yang berasal dari Yaman.

Berpandukan kitab-kitab hasil penulisan Abdul Samad al-Falimbani ini dapatlah disahkan bahawa perkataan ‘al-Falimbani’ ialah perkataan yang mengiringi nama beliau itu. Gelaran itu diambil sempena nama tempat dari beliau datang dan dilahirkan, iaitu Palembang. Berdasarkan keterangan ini, al-Falimbani lahir di Palembang sekitar tiga atau empat tahun setelah 1112 H/1700 M.

Ayahanda beliau diangkat menjadi mufti negeri Kedah. Syeikh Abdul Samad beribukan Raden Ranti dari Palembang. Hal ini kerana, sebelum ayahandanya berkahwin di Palembang, Syeikh Abd Jalil telahpun berkahwin di Kedah. Maka, hasil dari perkahwinan tersebut, lahirlah dua orang putera, iaitu Wan Abd al-Qadir dan Wan Abdullah. Tetapi Abd al-Samad lebih tua daripada kedua saudara seayahnya. Setelah itu, Abd Samad dan saudaranya Wan Abd al-Qadir dihantar ke Mekah, sehingga akhirnya ia dikenal dengan sebutan Syeikh Abd Samad al-Falimbani, dan saudaranya tersebut diangkat menjadi mufti negeri Kedah, menggantikan ayahnya. (Chatib Quzwain, 9).

Menurut satu sumber dari Ustaz Samsuddin Siddiq bahawa ada cerita dari orang-orang tua mengatakan bahawa al-Falimbani berketurunan dari Patani dan dilahirkan di Palembang. Semenjak kecil, al-Falimbani dihantar oleh ayahanda dan bondanya mengikuti pengajian pondok di Patani sebelum belajar di Palembang. Setelah itu, baru al-Falimbani menyambung pengajiannya di Mekah dan Madinah pada abad kedua belas Hijriah. Di sini, al-Falimbani mengkhusus dalam bidang Usuluddin, Fikah dan Tasawuf. Al-Falimbani juga mendalami kitab-kitab tasawuf dari Syeikh Abdul Rauf Singkel dan Samsuddin Al-Sumaterani. Kedua-duanya berasal dari Aceh.

Selama di Mekah juga beliau dikatakan sentiasa mengikuti perkembangan semasa beberapa perperangan di Nusantara antara orang Islam dan penjajah kafir. Bahkan juga antara orang Islam dengan orang Siam Budhha di Patani dan sekitarnya termasuk Singgora dan Ligur.

Selain itu, beliau tekad mahu membantu orang Islam di Patani yang ditindas oleh Siam, lebih-lebih lagi rakan karibnya Syeikh Daud bin Abdullah al-Fatani berada di situ. Sebelum pergi membantu umat Islam di sana, beliau sempat menyiapkan satu karangan kitab yang bertajuk Nasihat *al-Muslimin wa Tazdkirat al-Mu'minin fi Fadha'il al-Jihad fi Sabillillah* yang bermaksud nasihat untuk kaum muslimin dan peringatan untuk orang-orang beriman, tentang kelebihan berjuang dan kemuliaan para mujahidin di jalan Allah. Beliau segera ke Patani, malangnya ketibaannya agak lewat kerana pasukan pertahanan Patani hampir kalah berhadapan dengan penjajah Siam. Sementara itu, rakannya itu dan pengikut-pengikutnya telah mengundurkan diri ke Pulau Dayang, Terengganu untuk membentuk dan menyusun kembali langkah ketenteraan mereka. Sungguhpun demikian, pertahanan Patani akhirnya lemah dan Patani akhirnya berjaya ditakluk oleh Siam.

Terdapat sumber fakta yang dapat dikaitkan dengan tahun kewafatannya ialah menurut sumber dari ulama besar dari Mekah yang berasal daripada keturunan Padang, Indonesia, Syeikh Muhammad Yasin bin Isa al-Fadani (wafat 1410H) rahimahullahu taala dalam kitabnya yang berjudul ‘Iqdul Farid’. Beliau menyebut dalam sanadnya bagi kitab Ihya Ulumuddin bahawa Syeikh Nawawi al-Bantani (meninggal dunia 1315H) sempat berguru dengan al-Falimbani semasa umurnya dalam 20 tahun. Kedua-dua syeikh ini digelar dengan “al-Mua’mmar” yang berumur panjang. Umur Syeikh Nawawi dikatakan seratus tahun maka tahun kelahiran beliau ialah pada tahun 1215H. Jadi, al-Falimbani masih hidup sehingga tahun 1235H (1819M). Jadi, ada kebenaran pendapat yang mengatakan bahawa al-Falimbani meninggal dunia setelah tahun 1235H. Dipercayai umur pada masa kewafatannya ialah 124 tahun.

Ada pendapat juga yang menambah bahawa ketika al-Falimbani rahimahullahu taala dipancung untuk dibunuh maka pedang tidak dapat menembusi jasad beliau. Akhirnya beliau disulur dengan besi tajam di punggung hingga mati syahid, setelah itu baru dipancung kepalanya.

Dalam kitab Hidayatus Salikin hasil karya Abdul Samad al-Falimbani ini, pengkaji dapatilah penulis kitab memanfaatkan penggunaan laras bahasa agama, iaitu wacana berunsurkan agama Islam. Pengaruh bahasa Arab dari sudut perkataan, frasa dan ayat sudah pastinya wujud di samping bahasa Melayu dalam melahirkan pemikiran dan buah fikiran pewacana, lebih-lebih lagi kerana sumber asal bahasa al-Quran ialah bahasa Arab. Kebolehan penguasaan bahasa Melayu dan bahasa Arab oleh Abdul Samad al-Falimbani merupakan satu rahmat dan bonus kepada pecinta ilmu-ilmu agama dan tasawuf dalam usaha murni beliau mengajak masyarakat mengenal penciptaNya. Berikut ialah huraiyan lanjut berkenaan unsur laras bahasa agama yang dimanfaatkan oleh pewacana dalam kitab Hidayatus Salikin ini.

### a. Bidang

Dalam bahasa Melayu, laras agama lazimnya digunakan dalam bidang-bidang yang berkaitan dengan agama Islam, hukum-hukum, cerita-cerita Nabi, dan para sahabatnya, sejarah pahlawan-pahlawan Islam, dan unsur-unsur pengajaran dan panduan untuk umat Islam seperti kenaikan Nabi Isa ke langit, sembahyang, mukjizat Nabi, dan sebagainya. Banyak nasihat diselitkan dalam wacana dengan harapan melalui nasihat tersebut, pembaca dapat mengenali diri, memperbaiki akhlak, membentuk peribadi yang mulia serta

mengangungi kebesaran Allah (Abdul Rahman Abdul Rashid et al:135 ) Dalam kitab Hidayatus Salikin ini, ilmu yang diketengahkan oleh pewacana jelas berkaitan dengan ilmu fardhu ain, iaitu ilmu yang wajib dituntut oleh orang yang mukallaf, kerana menurut pewacana dalam perkataan lain ilmu ini dinamakan juga ilmu yang bermanfaat. Disebabkan itu jugalah, karya agung Hidayatus Salikin (HS) karangan Abdul Samad al-Falimbani ini telah mendapat perhatian luas dari kalangan para ulama di Nusantara ini kerana dengan mempelajari kitab ini, maka sebahagian ilmu yang dikatakan fardhu ain itu telah tercapai (Ahmad Fahmi Zamza: xiii). Pengkaji bersetuju dengan kebenaran kenyataan oleh muhaqqiq (editor) itu dalam mukaddimah kitab HS tersebut kerana karya agung itu (Hidayatus Salikin) itu mengandungi 7 bab, iaitu bab 1 menyentuh tentang Akidah Ahli Sunnah Wal Jamaah, bab 2 tentang perbuatan taat dan ibadah yang zahir yang mengandungi tentang adab mengambil wuduk, adab mandi junub, adab keluar ke masjid, adab masuk ke masjid, adab dan panduan ibadat daripada terbit matahari hingga gelincir matahari, adab besedia menunggu bagi semua waktu solat, kaifiyat solat tasbih, kaifiyat solat istikharah, kaifiyat solat hajat, adab-adab solat, adab imam dan maknum, adab-adab hari Jumaat, dan adab puasa. Bab 3 pula menyentuh berkenaan menjauhi segala maksiat yang zahir. Bab 4 menyentuh kepentingan menjauhi segala maksiat yang batin di dalam hati. Pada bab ini ada beberapa fasal, iaitu keburukan gemar kepada makan, gemar membanyakkan perkataan, suka marah, hasad dengki, bakhil dan kasih akan harta, kasih akan kemegahan, kasih akan dunia, membesarlu diri, ujub dan takjub akan diri sendiri dan riyak. Bab ke 5 ialah tentang kaifiyat menyatakan segala ketaatan yang batin, iaitu taubat, khauf, zuhud, sabar, syukur, ikhlas, tawakkal, mahabbah, redha, dan mengingati mati. Semua fasal ini mempunyai huraihan khusus yang tersendiri dengan menggunakan bahasa Melayu yang mudah difahami larasnya. Bab 6 berkisar kepada fadhilat zikir dan adabnya serta kaifiatnya. Sementara bab terakhir ialah adab bersahabat dan berkasih-kasihan dengan Allah dan makhluk. Semua fasal ini dikupas dengan penuh ketelitian menggunakan bahasa Melayu yang mantap. Penerangannya mudah dihadam dan tidak hairanlah kitab ini masih menjadi rujukan dari dahulu hingga kini oleh para pecinta ilmu agama.

### **b. Perbendaharaan Kata**

Analisis perbendaharaan kata dalam laras agama biasanya mencakupi aspek pemilihan kata, iaitu dari segi penggunaan bentuk yang formal, khusus atau umum dan aspek kata pinjaman. Perkataan-perkataan yang digunakan boleh difahami kecuali perkataan-perkataan Arab yang digunakan sepenuhnya tanpa diterjemah atau disesuaikan dengan perkataan bahasa Melayu.

Dalam HS, pengkaji dapat memang banyak perkataan-perkataan yang berasal daripada bahasa Arab. Hal ini tidak boleh dielakkan dan semestinya kerana ajaran agama Islam adalah bersumberkan daripada wahyu Allah SWT dan al-Quran pula sebagai kitab umat Islam yang diturunkan dalam bahasa Arab. Misalnya, dalam bab 1 dimulai dengan penekanan kepada aqidah ahli Sunnah wal Jamaah iaitu sifat-sifat Allah yang agung, Sifat 20. Perkataan seperti wujud, qidam, baqa', mukhalatuhu lilhawadith, qiamuhu bi nafsihi, wahdaniah, qudrat, iradat, dan seterusnya itu sudah cukup membawa pengertian dalam bahasa Arab yang tepat lagi jelas. Sungguhpun demikian, pewacana kitab tetap membuat terjemahan bagi setiap perkataan tersebut agar maknanya dapat ditanggap dengan mudah oleh para pembaca dan orang yang menuntut ilmu khususnya bangsa Melayu. Dengan itu,

proses penyampaian dan penghadaman ilmu dapat dilakukan dengan sebaiknya. Penggunaan terjemahan yang sinonim dan tepat dalam bahasa Melayu sangat membantu pemahaman masyarakat menerusi penulisan kitab oleh pewacana ini.

Sebenarnya banyak lagi perbendaharaan kata dari bahasa Arab yang digunakan oleh pewacana dalam kitab ini kerana ia relevan dengan konteks pembicaraan tentang ilmu-ilmu agama. Sebagai contoh dalam bab 1 timbul perkataan mizan (neraca di dalam akhirat, sirat (titian di atas neraka Jahanam), kata nama khas al-kaustar (sebuah telaga), syafa'at, syuhada, ta'yin (nyata), ahlulhaq (orang yang berpegang kepada kebenaran) , bid'ah dan lain-lain. Tuntasnya, pewacana kitab akan memberi makna yang sinonim dalam bahasa Melayu untuk kefahaman pembaca.

Laras bahasa agama juga menunjukkan perbezaan penggunaan perkataan-perkataaan yang merujuk kepada Allah dan Nabi daripada manusia biasa. Penggunaan perkataan sabda yang merujuk kepada kata-kata yang dituturkan oleh Nabi Muhammad s.a.w, manakala perkataan kata pula merujuk kepada manusia.

### c. Tatabahasa

Selain daripada aspek perbendaharaan kata, aspek tatabahasa juga turut menjadi petanda laras bahasa agama. Aspek tatabahasa merangkumi unsur morfologi dan sintaksis. Dalam kitab HS ini terdapat penggunaan perkataan gandaan separa dalam bab pertama seperti berubah-ubah, sekira-kira, selama-lamanya, dan sebilang-bilang. Antara contoh ayatnya adalah:

*“Ertinya: .....Dan adalah Allah taala sekarang atasnya, iaitu ada Ia sedia tiada berubah-ubah daripada sedianya”.*

*Tetapi bersalahan perjalanan orang mukmin itu sekira-kira amal mereka itu, setengah mereka itu seperti kilat yang menyambar...*

*Dan barangsiapa meminum daripadanya nescaya tiada dahaga kemudian daripada itu selama-lamanya.*

*Pada kelilingnya itu beberapa kendi sebilang-bilang bintang di langit.*

Penggandaan ini melibatkan gandaan kata kerja dan kata adjektif yang sesuai dengan konteks penggunaannya dalam ayat.

Unsur-unsur akronim sudah menjadi lumrah dalam laras bahasa agama. Antara perkataannya ialah S.A.W, dan S.W.T. Setiap akronim tersebut membawa maksud Sallalahu hu alaihi wasallam (S.A.W), r. a merujuk kepada radhiyallahu anhu dan Subhanahu Wa Taala yang menerjemahkan akronim S.W.T. yang merujuk kepada Allah Taala. Walau bagaimanapun, kebiasaan dalam penulisan akronim tersebut tidak berlaku dalam pembikinan kitab HS kerana pewacana kitab ini tidak menggunakan akronim, sebaliknya menulis secara penuh seperti Nabi Muhammad shallalahu alaihi wa sallam, Allah taala, Sayyidina Abu Bakar radhiyallahu anhu, Sayyidina Osman radhiyallahu anhu dan lain-lain sahabat nabi juga ditulis penuh. Pada hemat pengkaji, pewacana kitab benar-benar mahu

memelihara kesucian panggilan atau gelaran itu dan tidak hairanlah pengkaji tidak langsung menjumpai akronim dalam kitab HS ini berbanding wacana-wacana moden.

Di samping itu, pengkaji dapat pewacana juga turut memanfaatkan kata pangkal ayat dalam wacana kitabnya seperti maka dan adapun seperti dalam karya bahasa Melayu klasik. Misalnya,

*Maka barangsiapa mengiktiadkan akan segala yang demikian itu serta iktiqad yang ta'yin (nyata) maka...*

*Adapun setengah daripada segala sifat yang wajib bagi hak Allah taala itu maka iaitu dua puluh sifat:...*

Selain itu, dari sudut sintaksis pula, pengkaji juga mendapati penggunaan 'dan' pada permulaan perenggan dalam ayat. Antara contoh pemanfaatan kata hubung 'dan' dalam ayat tersebut ialah

*Dan sifat-sifat yang wajib pada hak segala Rasul itu tiga perkara:...*

Di samping itu, pengkaji dapat ada juga pewacana menggunakan perkataan 'dan demikian lagi' dalam kebanyakan perenggan. Misalnya

*Dan demikian lagi wajib atas mereka itu bahawa percaya akan mizan.....*

Pada hemat pengkaji, penggunaan 'dan' berbeza dengan 'dan demikian lagi' kerana dan demikian lagi membawa pengertian penanda wacana bukan kata hubung. Hal ini kerana dalam laras agama mengandungi pengaruh struktur ayat Arab. Tambahan lagi, penterjemahan karya Arab ke dalam bahasa Melayu sedikit sebanyak telah mempengaruhi perkembangan bahasa Melayu. Pengaruh ini turut dikesan melalui penggunaan perkataan-perkataan tertentu seperti oleh, akan, dan bahawasanya. Ia menurut pendapat yang telah dikemukakan oleh Van Ronkel, 1977. Antara contoh struktur ayat Arab dalam HS yang mempengaruhi bahasa Melayu ialah

*Dan demikian lagi wajib atas tiap-tiap orang yang akil baligh itu membenarkan akan Nabi Muhammad shallallahu alaihi wa sallam...*

*....dan kesenangan kubur bagi orang yang beribadah, dan bahawasanya sekaliannya itu benar.*

Ertinya: *Tiada meliputi akan Allah taala itu oleh tempat.*

Pengaruh struktur ayat bahasa Arab juga boleh dilihat melalui unsur perkataan seperti atas. Sebagai contoh, ...Dan demikian lagi wajib atas mereka itu percaya akan syafa'at segala anbia alaihimus-salam...

#### **d. Gaya bahasa**

Laras bahasa agama di dalam bahasa Melayu dapat dilihat banyak mengandungi cerita, kiasan, dan ibarat. Wacananya sering diselitkan dengan petikan Arab sama ada petikan daripada al-Quran dan terjemahannya atau hadis. Contohnya ialah:

*Qiyamuhu taala bi-nafsihi.* Ertinya: *Berdiri Ia dengan sendiriNya.*

Kesemua contoh-contoh ini diambil daripada bab pertama dalam kitab HS yang berkisar kepada pegangan akidah ahli Sunnah wal Jamaah.

#### **KESIMPULAN**

Pembikinan kitab HS oleh Abdul Samad al-Falimbani sungguh bermakna untuk kita semua kerana di dalamnya padat dengan segala ilmu fardhu ain yang wajib diketahui oleh semua orang Islam. Penyampaian ilmu yang berteraskan bahasa Melayu yang mantap dalam kitab ini boleh difahami oleh masyarakatnya pada ketika itu sehingga sekarang. Beliau sememangnya patut dijadikan ikon kerana perilaku beliau mengikut sunnah Nabi dan begitu sayang akan guru-gurunya. Pembikinan karya HS memberi impak yang sangat besar kepada dunia Islam di Nusantara dan dunia Islam umumnya. Semoga Allah merahmati roh Allahu'yarham Abdul Samad al-Falimbani. Alfatihah.

#### **RUJUKAN**

- Ab. Rahman Ab. Rashid & Yap Kim Fatt. 2006. Bahasa Kebangsaan. Pearson. Petaling Jaya. Malaysia.
- Hidayatus Salikin fi Suluki Maslakil-Muttaqin (Petunjuk Jalan Bagi Orang Yang Takut Kepada Allah Taala), susunan Syeikh Abdus Shamad Al-Falimbani. Edisi Rumi. Tahqiq Ahmad Fahmi bin Zamzam. Khazanah Banjariah dan Pustaka Suhbah.
- Hidayatus Salikin, Syeikh Abdus Samad al-Falimbani, tahqiq Ustaz Shamsuddin Shiddiq. 1982/1983. Latihan ilmiah untuk memenuhi syarat keperluan ijazah Sarjana Muda Kepujian, Pengajian Islam Universiti Kebangsaan Malaysia dan diterbitkan pada tahun 1988 oleh Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Kelantan.
- Hidayatus-Salikin, Syeikh Abdus Samad al-Falimbani. Transliterasi dari Jawi ke Rumi oleh Wan Muhammad Shaghir Abdullah. Jilid 3 terbitan tahun 1988.
- Nik Safiah Karim. 1982. Laras Bahasa Melayu: Beberapa pandangan. Dewan Bahasa dan Pustaka. Kuala Lumpur.